

# Dr. M puas hati pembangunan Sabah

**K**UALA LUMPUR 16 Mac. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan rasa puas hatinya terhadap pelbagai usaha pembangunan yang dilakukan di Sabah oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri sepanjang setahun Barisan Nasional (BN) menguasai semula negeri itu.

Perdana Menteri berkata, banyak janji dan perkara-pekerjaan penting yang telah ditunaikan antaranya peruntukan yang cukup besar untuk kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air.

Bagaimanapun, beliau berkata, rakyat negeri itu harus bersabar kerana setiap pelaksanaan sesuatu projek itu mengambil masa untuk dilaksanakan.

“Yang penting, apa yang kita janjikan (semasa pi-

lihanraya Sabah Februari tahun lalu) seperti bekalan elektrik dan air, semuanya telah dibuat peruntukan yang cukup besar, tetapi seperti biasa peruntukan segala projek mengambil masa dan sedang dilaksanakan.

“Pada keseluruhannya saya berpuas hati dengan apa yang diusahakan oleh kerajaan Sabah dan Kerajaan Pusat,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita sekembalinya beliau dari Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Pembangunan Sosial di Copenhagen, Denmark dan lawatan tiga hari ke Britain.

Esok genap setahun BN menguasai semula Sabah apabila pada 17 Mac 1994, Tan Sri Sakaran Dandai mengangkat sumpah ja-

watan sebagai Ketua Menteri di Istana Negeri itu dan keesokan harinya pula diikuti dengan semua ahli Dewan yang dipilih.

Walaupun BN tewas dalam pilihanraya negeri pada 18 dan 19 Februari 1994 dengan mendapat 23 kerusi berbanding dengan Parti Bersatu Sabah memperoleh 25 kerusi, namun kedudukan kerusi tersebut berubah ekoran wakil-wakil rakyat PBS melompat ke BN.

Ini menyebabkan PBS kehilangan majoriti dalam Dewan yang mengakibatkan Ketua Menteri Sabah ketika itu, Datuk Joseph Pairin meletakkan jawatannya pada 17 Mac 1994.

Pada 27 Disember tahun lalu, Datuk Mohd. Salleh Tun Said Keruak dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru

sementara itu Sakaran dilantik sebagai Yang Dipertua negeri itu.

Mengenai usaha pembangunan di kawasan-kawasan kampung negeri itu, Perdana Menteri tidak menafikan terdapat lagi perkara-perkara kecil yang belum dapat dilaksanakan seperti jambatan dalam kampung dan sebagainya.

Perdana Menteri juga memuji langkah Ketua Menteri Sabah yang berjaya mengatasi masalah pengurusan hutan di negeri itu.

Dr. Mahathir berkata, kejayaan itu dilihat kepada kecenderungan Mohd. Salleh dalam menumpukan kepada soal pengurusan hutan yang sering menimbulkan masalah dan persoalan.

“Saya dapati dianya

(Salleh) betul-betul mengkaji apa yang perlu dibuat dalam pengurusan hutan sedangkan kita tahu bahawa kalau mereka (kerajaan Sabah) tidak mengeluarkan balak, maka ini akan menjejaskan bukan sahaja syarikat-syarikat yang mendapat kawasan kerana mereka melabur wang yang banyak, tetapi juga pendapatan kerajaan akan berkurangan kalau tidak ada pembalakan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, semua pihak harus memahami bahawa pembalakan harus dilakukan mengikut skim yang diterima oleh pihak kerajaan.

Turut menyambut ketibaan beliau ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri kabinet dan Exco serta ahli Pergerakan Pemuda UMNO.